



JADUAL IMUNISASI KEBANGSAAN



IMUNISASI	UMUR (BULAN)													UMUR (TAHUN)			
	0	1	2	3	4	5	6	8	9	12	15	18	21	7	13	15	
BCG	Dos Tunggal																
Hepatitis B	Dos Kelahiran																
DTaP-IPV-Hep B-Hib			Dos 1	Dos 2		Dos 3							Dos Penggalak				
Measles							Sabah sahaja										
MMR									Dos 1	Dos 2							
Pneumokokal (PCV)					Dos 1		Dos 2				Dos Penggalak						
JE (Sarawak sahaja)									Dos 1				Dos Penggalak				
MR														*			
DT														Dos Penggalak			
HPV															Dos 1 & Dos 2		
TT																	Dos Penggalak

* Dos ke 2 untuk kanak-kanak yang lahir sebelum Julai 2015

BCG adalah *Bacille Calmette-Guerin*, vaksin yang memberi perlindungan terhadap tuberkulosis.

Hepatitis B monovalen vaksin hepatitis B untuk mencegah penyakit hepatitis B.

DtaP-IPV-Hep B-Hib adalah vaksin kombinasi 6 serangkaian yang memberi perlindungan terhadap difteria, tetanus (kancing gigi), pertussis (batuk kokol), poliomyelitis, Hepatitis B dan *Haemophilus Influenzae type B*.

MMR adalah vaksin kombinasi *measles* (campak), *mumps* (beguk) dan *rubella*.

PCV diberi untuk mencegah penyakit Pneumokokal serius yang disebabkan oleh serotype bakteria *Streptococcus pneumoniae* yang terkandung dalam vaksin.

JE adalah *Japanese Encephalitis*. Vaksin ini hanya diberi di Sarawak sahaja.

HPV adalah vaksin *Human Papillomavirus* yang disediakan untuk murid sekolah perempuan tingkatan 1 atau remaja perempuan berumur 13 tahun yang tidak bersekolah. Ianya diberi sebanyak 2 dos berasingan selang 6 bulan.

TT adalah *Tetanus Toxoid* yang diberi untuk mencegah penyakit tetanus (kancing gigi), diberi sebagai dos penggalak untuk meningkatkan paras antibodi.